

KUALA LUMPUR: Tony Tan Yong Maun dari Kolej Pratique Asia dan Ong Tien Yee dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) masing-masing muncul pemenang Anugerah Emas bagi kategori reka bentuk dalaman dan seni bina pada Anugerah Pereka Muda Nippon Paint 2009.

Anugerah Perak bagi kategori reka bentuk dalaman pula dimenangi Soo Wei Son dari Institut Seni Lukis Malaysia, manakala Ahmad Faliq Mohd Saparudin dari Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak menerima anugerah sama menerusi kategori seni bina.

Pemenang Anugerah Emas masing-masing menerima piala khas, biasiswa tunai RM3,000 dan komputer meja Apple, manakala pemenang Anugerah Perak menerima biasiswa tunai RM2,000.

Empat pemenang utama berkenaan juga masing-masing menerima peluang bekerja dengan firma Reka Bentuk Dalaman/Arkitek terkemuka.

Penolong Pengurus Besar Nippon Paint (Malaysia) Sdn Bhd, Gladys Goh, berkata dengan tema 'Mempelopori Reka Bentuk dengan Trend Warna', anugerah kali ini yang menerima idea projek yang inovatif dan moden daripada 124 pelajar dari 18 institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan menyaksi-

Empat pemenang diterima bekerja

kan tahap profesionalisme dan kreativiti pelajar yang cemerlang.

"Usaha menghasilkan reka bentuk unggul menggunakan warna yang sesuai memang mencabar. Pereka dalaman dan arkitek muda berbakat yang menyertai membuktikan mereka berpotensi besar dan mempunyai masa depan cerah dalam bidang ini.

"Kemahiran pelajar dinilai dari aspek kebolehan mereka menggabungkan Trend Warna Nippon Paint 2009/2010 ke dalam reka

bentuk penyertaan mereka. Peserta kemudian diadili berdasarkan inovasi dan koordinasi warna, keaslian reka bentuk, nilai estetik, ciri mesra alam, perangan ruang, pematuhan kepada syarat penyertaan dan ikhtisar reka bentuk.

"Reka bentuk dalaman dan seni bina bermutu tinggi yang diperlihatkan dalam projek yang dikemukakan memerlukan masa, kesabaran dan kerja keras dan semuanya ditunjukkan dalam penyertaan. Kami berbesar hati menyediakan wadah kepada pelajar untuk menyerlahkan bakat dan menempa nama mereka dalam bidang ini," katanya menerusi kenyataan di sini.

Anugerah berkenaan yang dilancarkan pada 2008, adalah pertandingan tahunan yang disokong Persatuan Pereka Dalaman Malaysia (MSID) dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) dan terbuka kepada pelajar tahun akhir kursus diploma atau sekurang-kurangnya tahun ketiga program ijazah di sekolah reka bentuk dalaman atau seni bina di Malaysia.



Menghasilkan reka bentuk unggul menggunakan warna memang mencabar. Arkitek muda berbakat yang menyertai membuktikan mereka berpotensi besar dalam bidang ini"

Gladys Goh

Penolong Pengurus Besar
Nippon Paint (Malaysia)
Sdn Bhd